

Pengarah Penilaian,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
Tingkat 5, Bangunan TH Perdana,
1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Yang dihormati Puan,

PER: BANTAHAN SEMAKAN SEMULA SENARAI NILAIAN

NO. FAIL / NO. AKAUN: /

NO.LOT:

ALAMAT:

.....
.....

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada Notis Menyemak Semula Senarai Nilaiian bertarikh 18 November 2013.

Saya ingin membangkitkan bantahan terhadap nilaiian tahunan **RM** yang telah dikenakan ke atas **Lot No.** **Seksyen/Mukim KL**, rumah yang beralamat di

Secara khusus di kediaman saya, kenaikan nilai tahunan sejumlah **RM** tidak adil dan terlampau; terutamanya apabila saya mendiami unit yang ditaksir.

Kadar kenaikan sebanyak **RM** ; iaitu peratus - adalah mengejutkan kerana ia tidak dilakukan secara berperingkat terlebih dahulu. Adalah menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (DBKL) untuk melaksanakan tugas dengan lebih konsisten.

Bantahan saya adalah berpaksikan perkara-perkara berikut:

1. Alasan bahawa kenaikan terakhir adalah 21 tahun lalu tidak memberi justifikasi kepada kenaikan mendadak di antara 100 % hingga 300%. Tanggungjawab kenaikan secara berperingkat seharusnya diambil oleh DBKL, atau mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan diganding dengan penambahbaikan infrastruktur setempat dan juga perkhidmatan berkualiti pihak setempat.

2. Malangnya, perkhidmatan pembentungan yang dahulunya dimasukkan di bawah taksiran DBKL kini diasingkan di bawah khidmat Indah Water Konsortium - di mana beban bayaran dikenakan kepada saya secara berasingan. Daripada pengamatan saya, hal ini boleh dilihat sebagai khidmat DBKL yang berkurangan daripada dahulu sehingga kini.
3. Harta rumah yang saya duduki adalah untuk tujuan kediaman; yang juga dijadikan khazanah pelaburan di masa hadapan.
4. Peningkatan ini hanyalah menguntungkan pemilik premis; dan merugikan pemilik/ penyewa seperti saya.
5. Alasan bahawa semakan taksiran terpaksa dibuat untuk menepati nilai hartanah yang lebih jitu adalah tidak tepat memandangkan nilai hartanah yang sentiasa tinggi dan meningkat naik di Kuala Lumpur. Tambahan lagi, kerajaan terpaksa memperkenalkan PR1MA dan skim-skim berkait lainnya dalam usaha mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik buat rakyat; termasuklah memperkenalkan langkah-langkah untuk mengurangkan spekulasi hartanah sedia ada. Jelas bahawa nilai semakan taksiran yang begitu tinggi ini bercanggah dengan realiti masakini.

Justeru, dengan hormatnya saya memohon agar:

- a. DBKL memberikan justifikasi terhadap kenaikan nilai taksiran dengan menerbitkan kepada umum perbelanjaan dari tahun ke tahun - khususnya jumlah yang dibelanjakan DBKL untuk penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur bandar Kuala Lumpur, bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat.
- b. Semakan semula nilai taksiran hanya dilaksanakan apabila mutu khidmat DBKL telah diperbaiki; dan seandainya perlu dilaksanakan, ia harus diperkenalkan secara berperingkat dan berpatutan.
- c. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan pusat untuk mengawal inflasi dan tidak memperkenalkan dasar yang mengeruhkan kedudukan ekonomi rakyat terbanyak - khususnya menerusi kutipan bayaran taksiran yang teramat tinggi sebegini.

Sekalung penghargaan saya ucapkan di atas perhatian yang diberikan oleh pihak Puan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....